

>> Zaharah sudah menyelamatkan lebih 20 kucing sejak tujuh tahun lalu

Haiwan Meru 6/4/16

HARIAN METRO FOTO HARIZ SULAIMAN



PENYELAMAT KUCING JALANAN

■ Zaharah tidak kisah berhabis wang ringgit dan tenaga demi cinta kepada si comel

Ikandar Shah Mohamed dan Fatmahan Japri am@metro.com.my

Kasih tidak mengira dariat dan sempadan. Walaupun sudah berusia dan memegang jawatan tinggi di sebuah syarikat swasta, rasa cinta seorang wanita terhadap kucing jalanan terlihat menembal untuk terus membantu haiwan itu sehingga ke hari ini.

Sejak tujuh tahun lalu, pegawai eksekutif berusia 59 tahun itu menggunakan kesempatan meronda pada malam hari dan hujung minggu untuk memberi makanan serta minuman bersih kepada ratusan 'si comel' terbiar di sekitar Lembah Klang.

Selain itu, dia sudah 'menyelamatkan' lebih 20 kucing yang kebanyakannya berpenyakit, cacat dan mengalami kecederaan yang dipeliharanya dengan baik walaupun perlu menanggung kos tertentu termasuk pemeriksaan perubatan di klinik haiwan.

Uniknya, wanita itu kini masih 'sejal' menyediakan makanan kucing terutama dalam tin dan nasi bersama ikan tongkol rebus yang dibawanya setiap hari ke tempat kerja sama ada disimpan di dalam beg tangan atau bonet keretanya.

Kata ibu tunggal beranak satu dikenali sebagai Zahara itu, dia sudah dididik menyayangi kucing sejak kecil dan mula bergiat aktif mencari kucing jalanan selepas pemergian arwah suaminya.

"Kebiasanya, saya akan bergerak selepas pulang dari kerja dengan ditemani anak perempuan berusia 27 tahun dan pembantu rumah sekitar jam 11 malam pada hari biasa. Pada Sabtu dan Ahad, saya akan keluar dari rumah dan tiba di lokasi sekitar jam 7.30 pagi.

"Lokasi yang dituju antaranya di sekitar Chow Kit, Sri Hartamas, Kepong, Subang, Leboh Ampang dan beberapa pasar. Selain makanan peket dan tin, kami membawa bekalan ikan tongkol yang digaul dengan nasi untuk diberikan kepada

lapan hingga 18 kucing sehari," katanya ketika ditemui Harian Metro.

Menurutnya, jika ada kucing jalanan yang lemah kerana sakit, cacat atau cedera, dia tidak akan teragak-agak untuk membawa pulang ke rumahnya untuk dirawat dan dipejalgra.

"Saya memang tidak boleh mendengar kucing 'merang' kerana terlalu mudah simpati. Saya sudah mengambil banyak haiwan itu termasuk yang keding kaksi, buta, berpenyakit sawan, ditambah teruk kerana diangkiti kuman, dan dibasarkan dengan baik dan kini masih ada 11 ekor berada dalam peliharaan saya," katanya yang turut boleh membezakan bunyi semua kucingnya itu.

Zahara berkata, dia tidak menafikan kepenatannya berbuat demikian sejak sekian lama, selain terpaksa mengularkan perbelanjaan ribuan ringgit setiap sebulan.

"Namun, kasih kepada



ZAHARA memberi makanan kepada kucing jalanan.

>> Kos diperuntukkan untuk penjagaan kucing seminggu

6/4/16

HARIAN METRO



kucing itu amat kuat sehingga saya sentiasa berasa rungsang atau tidak sedap hati jika tidak keluar rumah memberi makanan. Saya tidak kisah soal kos yang diperuntukkan sehingga RM250 seminggu, tidak termasuk kos perubatan.

"Hati ini sebak melihat haiwan itu terbiar kelaparan tanpa makanan. Kita (manusia) boleh makan banyak kali sehari, namun kucing itu mungkin hanya sekali dan kita perlu berkongsi rezeki dengannya," katanya yang sudah memberi makanan kepada lebih 200 kucing setakat ini.

Selagi berupaya, kata Zahara, dia akan meneruskan usaha murninya itu dan turut sentiasa mendoakan kesejahteraan kucing jalanan daripada sebarang musibah termasuk penderaan.



ZAHARA membebel kucing di pinggangnya.



REZEKI BERGANDA BANTU HAIWAN

"Kaya atau miskin bukan faktor pembahagi untuk kita membantu haiwan yang memerlukan pertolongan. Haiwan seperti kucing tidak meminta banyak, namun cukup sekadar sisa makanan daripada kita.

Jangan berasa ralat membeli makanan untuk kucing kerana Allah akan mengandakan rezeki kita dan menambah rasa kasih kepada haiwan," kata Presiden Kelab Kucing Malaysia (KKM) Khalid Rashid.

Menurut beliau, pihaknya mengait orang ramai mengikut jejak langkah Zahara yang dianggap bukan saja 'berkebab' masa, tenaga dan wang, malah berkongsi kasih dengan haiwan jalanan.

"Walaupun sibuk dengan kerjayanya, dia masih tetap mempunyai masa untuk melakukan kerja amal memberi makanan kepada banyak kucing terbiar.

"Jika memelihara haiwan terutama kesayangan Kesulhab, mesyuarat rezeki kita akan sentiasa bertambah. Itu yang dapat dilatih pada ketidpatan Zahara," katanya.



Khalid berkata, dia sudah lama berhabab dengan Zahara dan mengakui kucing itu amat menyayangi kucing jalanan.

"Dia akan sentiasa membawa makanan kucing ke mana saja dan membawa pulang haiwan yang sakit atau cacat untuk dirawat.

"Sifat kasih kepada haiwan pada hakikatnya boleh dipupuk walaupun kita tidak menggemari kucing. Bapi saya, rezeki yang ada perlu dikongsi bersama semua makhluk di bumi ini," katanya.